

SULIT
3755/1
PERDAGANGAN
KERTAS 1
NOVEMBER
2001
1 JAM

3755/1

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU**

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2001

TINGKATAN EMPAT

PERDAGANGAN

KERTAS 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

SULIT

- 1 Antara aktiviti berikut, yang manakah tidak menggambarkan pengeluaran sebagai satu proses penciptaan nilai faedah ?
 - A Menghantar barang dari tempat berlebihan ke tempat kekurangan
 - B Mengubahsuai barang
 - C Menyimpan barang sehingga wujud permintaan
 - D Memberi jenama untuk sesuatu barang
- 2 Walaupun aktiviti perniagaan sudah wujud pada zaman purba, pengkhususan tidak diamalkan secara meluas kerana:
 - A Manusia zaman purba mengamalkan sistem barter
 - B Wujudnya masalah pengukuran nilai
 - C Keperluan manusia di zaman purba adalah terhad dan mudah dipuaskan
 - D Manusia zaman purba menggunakan kaedah pengeluaran tradisional
- 3 Dalam sistem Barter yang melibatkan antara beras dengan ayam, apakah masalah yang paling jelas dan sukar diatasi?
 - A Masalah barang-barang cepat rosak
 - B Masalah menentukan kadar pertukaran
 - C Masalah kemahuan serentak
 - D Masalah membahagikan barang-barang
 - pengecualian cukai bagi perbelanjaan modal dalam industri yang banyak menggunakan bahan mentah
 - tempoh pengecualian cukai ialah lima tahun
- 4 Ciri-ciri di atas berkaitan dengan salah satu galakan pelaburan kerajaan iaitu:
 - A Elaun pelaburan semula
 - B Taraf perintis
 - C Elaun cukai pelaburan
 - D Elaun eksport
- 5 Antara agensi berikut yang manakah tidak membantu peniaga dari segi penyelidikan dan pembangunan?
 - A PORIM
 - B FRIM
 - C MARDI
 - D MARA

[Lihat sebelah
SULIT

SULT
[Tihat sebelah]

- A Pengeluaran barang secara besar-besaran
- B Cara hidup dan gaya perbedaan pengetahuan sudah berubah
- C Mengeluaran massa kini menghadapi persinggahan yang lebih
- D Posisi kerjasam yang tinggi mengubah cara pembiayaan tradisional

9 **Aliran bantuan dalam pembiayaan tujuan?**
Aliran yang berikut, yang manakah bukan merupakan faktor yang memungkinkan

- A Sukar melakukannya pengalaman dan membahagiakan ketiga
- B Mempunyai kos overlaid yang tinggi
- C Memerlukan modal yang besar
- D Sukar dihubungkan

KEDAI RUNCIT AISYAH

8 **Antara berikut, yang manakah merupakan kedemahan jenis pembiayaan di bawah**

- A I, II dan IV
- B I, III dan IV
- C II, III dan IV
- D I, II dan III

I Mencadang pembiayaan yang sudah dikenali dan mempunyai reputasi yang baik

II Adanya kebutuhan untuk menjalankan pembiayaan mengikat ide sendiri

III Kos promosi tidak perlu ditanggung

IV Ada perkhidmatan nasihat bagi membantu pembiayaan pembiayaan

7 **Bagaimanakah sesorang farmacist memperoleh faedah daripada pembiayaan jangka panjang?**

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

6 **Antara pihak berikut, yang manakah terlibat secara langsung dalam pembiayaan tetapi tidak terlibat secara langsung dalam pembiayaan?**

I Jurubauk

II Pengimpor

III Ejen insurans

IV Syarikat pengangkutan

SULT

SULIT

10 Puan Norhayati lebih suka membeli barang di kedai runcit Anis daripada membeli di pasar raya Metro kerana

- A Kedai Runcit Anis menjual pelbagai jenis barang
- B Kedai Runcit Anis menyusun barang dengan teratur dan rapi
- C Kedai Runcit Anis memberi perkhidmatan lepas jualan
- D Kedai Runcit Anis menjual barang dengan lebih murah

**ENCIK AHMAD TELAH MEMBUKA SEBUAH KEDAI RUNCIT YANG
MENJUAL PELBAGAI JENIS HASIL PERTANIAN**

11 Antara berikut, pemberong manakah sesuai membekal stok kepada Encik Ahmad?

- A Pemberong pesanan berwakil
- B Pemberong satu barisan
- C Pemberong am
- D Pemberong bayar dan bawa

12 Antara berikut, dalam keadaan manakah perkhidmatan pemberong boleh disingkirkan?

- I Wujudnya aliran moden dalam perniagaan runcit
- II Wujudnya koperasi pengguna
- III Penubuhan lembaga pemasaran oleh kerajaan
- IV Bertambahnya bilangan peruncit kecil-kecilan

- A I, II dan IV
- B I, III dan IV
- C II, III dan IV
- D I, II dan III

13 Pemberong tidak patut dikecam sebagai lintah darat kerana

- A dia memberi bantuan kewangan kepada peruncit
- B dia dapat mengurangkan kos barang
- C dia juga menjalankan tugas yang penting dalam pengagihan barang-barang
- D dia menyelaraskan penawaran dan permintaan

[Lihat sebelah
SULIT

SULIT

14 Serahan Segera bermaksud barang-barang dapat diserahkan kepada pembeli

- A sebaik sahaja pesanan diterima
- B pada satu tarikh tertentu pada masa hadapan
- C dalam masa beberapa hari selepas pesanan diterima
- D kerana penjual ingin menghabiskan stok

15 Encik Fauzi telah dikenakan harga yang lebih daripada sepatutnya oleh pembekal Y. Apakah dokumen yang perlu dihantar oleh pembekal Y kepada Encik Fauzi untuk membentulkan kesilapan tersebut ?

- A Nota makluman
- B Nota kredit
- C Nota debit
- D Nota serahan

16 Anda telah menerima sebut harga daripada seorang pemberong. Maklumat di dalam Sebut harga itu adalah seperti di bawah :

HARGA :	RM800.00
DISKAUN NIAGA :	5 %
SYARAT :	15 hari 5 %, 7 hari 7%

Sekiranya anda membeli barang dan membayar dalam tempoh sepuluh hari berapakah jumlah yang harus anda bayar ?

- A RM780.00
- B RM741.00
- C RM760.00
- D RM722.00

17 Invois pro-forma digunakan dengan tujuan

- I Cara sopan meminta bayaran
 - II Sebagai senarai harga sementara
 - III Sebagai anggaran harga dalam perniagaan antarabangsa
 - IV Sebagai resit sementara
-
- A I,II dan III
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D I,II,III dan IV

[Lihat sebelah
SULIT

SULIT

18 Dalam penetapan harga untuk gula dan tepung, faktor yang diutamakan ialah

- A Persaingan
- B Kos pengeluaran
- C Polisi Kerajaan
- D Permintaan pengguna

19 Seseorang pengeluar yang memilih strategi pemasaran berorientasikan pengguna harus memastikan bahawa barang yang dikeluarkan mampu memenuhi cita rasa pengguna. Apakah ciri-ciri keluaran yang perlu diambil kira agar cita rasa pengguna dapat dipenuhi ?

- I Harga
- II Kualiti
- III Jenama
- IV Promosi

- A I,II dan III
- B I,III dan IV
- C II,III dan IV
- D I, II dan IV

20 "Untuk mengelakkan turun naiknya harga, stok penimbang perlu diwujudkan." Cara penentuan harga tersebut melibatkan

- A hasil keluaran pertanian
- B barang keluaran industri berat
- C barang keluaran pengguna
- D perkhidmatan

[Lihat sebelah
SULIT

21 Antara langkah-langkah berikut, yang manakah sesuai diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah imbangan pembayaran kurangan?

- I Galakan eksport.
- II Galakan import.
- III Hadkan eksport.
- IV Hadkan import.

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

Soalan 22 berdasarkan data eksport Malaysia seperti yang berikut:

Jenis Eksport	Nilai Eksport (RM Juta)
Pertanian	35 480
Pengangkutan dan insurans.	3 260
Pendapatan daripada pelaburan.	5 558
Galian	28 316
Barang-barang perkilangan.	94 340
Pelancongan	4 548

22 Hitungkan sumbangan nilai eksport tak nyata kepada eksport Malaysia.

- A 4.55 %
- B 5.14 %
- C 7.79 %
- D 92.21 %

23 Satu daripada masalah yang sering dihadapi oleh pengeksport ialah kelewatan menerima bayaran daripada pengimport yang menyebabkan modal terikat. Masalah ini boleh diatasi dengan menggunakan perkhidmatan

- A pindahan kredit.
- B bil perintah bayar.
- C bil perbendaharaan.
- D perintah sedia ada.

24 Sijil Asal-Usul digunakan oleh pengeksport untuk

- A menerangkan tentang barang-barang yang dieksport.
- B membuktikan barang-barang dieksport bukan barang tiruan.
- C menerangkan barang-barang dieksport adalah terjamin.
- D membuktikan tempat asal barang-barang dieksport.

[Lihat sebelah
SULIT

SULIT

25 Apakah perbezaan antara rakan kongsi berhad dengan rakan kongsi biasa?

- A Rakan kongsi berhad menikmati liabiliti terhad
- B Rakan kongsi berhad mempunyai lebih banyak kuasa
- C Rakan kongsi berhad boleh menjadi pengurus perkongsian itu
- D Rakan kongsi berhad berhak membuat perjanjian dengan pihak luar

26 Koperasi Darul Iman Berhad memperoleh lebihan RM37 000 pada tahun 2000. RM5 000 daripada jumlah itu dicadangkan sebagai rizab dan bakinya dibahagikan sebagai rebat langganan. Jumlah belian ahli-ahli pada tahun itu ialah RM320 000.

Berapakah rebat atas langganan koperasi itu?

- A RM0.02 dalam seringgit
- B RM0.10 dalam seringgit
- C RM0.12 dalam seringgit
- D RM0.15 dalam seringgit

27 Adakah benar dasar penswastaan mengurangkan hasil kerajaan?

- A Benar, kerana cukai yang dikutip berkurangan
- B Tidak, kerana kerajaan boleh mengawal aktiviti syarikat
- C Tidak, kerana kerajaan dapat hasil cukai daripada keuntungan syarikat
- D Benar, kerana pendapatan akan berpindah kepada pihak swasta

28 Mengapa bilangan syarikat sendirian berhad lebih banyak ditubuhkan berbanding dengan syarikat umum berhad?

- A Syarikat sendirian berhad tidak diwajibkan memgumumkan laporan akaun untung rugi dan kunci kira-kira
- B Cukai di atas keuntungan syarikat sendirian berhad kurang daripada syarikat umum berhad
- C Aktiviti syarikat sendirian berhad tidak tertakluk kepada Akta Syarikat
- D Penubuhan syarikat tidak memerlukan dokumen memorandum dan prospektus syarikat

29 Bank Negara Malaysia berfungsi sebagai jurubank kerajaan melalui tindakannya sebagai

- A pengendali semua hutang kerajaan.
- B pengawal kadar faedah pinjaman bank.
- C ejen bank perdagangan bagi melabur di luar negara.
- D penerima bayaran cukai pendapatan daripada orang ramai bagi pihak kerajaan.

SULIT**30 Apakah draf bank?**

- A Satu arahan kepada bank untuk membayar sejumlah wang yang tidak tetap dan tarikhnya berubah-ubah
- B Satu cara pembayaran terus ke dalam akaun beberapa orang penerima dengan menggunakan sekeping cek
- C Alat pembayaran yang dikeluarkan oleh bank atas permintaan pelanggannya untuk membayar sejumlah wang kepada sidibayar di suatu tempat lain
- D Satu alat pembayaran yang digunakan oleh pelancong kerana tidak mahu membawa wang tunai yang banyak

Soalan 31 berdasarkan jadual berikut.

Tempoh	Kadar Faedah Simpanan Tetap
1 bulan	8.15 % setahun
3 bulan	8.20 % setahun
6 bulan	8.25 % setahun
9 bulan	8.30 % setahun
12 bulan	8.40 % setahun
Melebihi 15 bulan	Boleh dirunding

31 Encik Mohd Mutaqqin telah menyimpan wang RM20 000 dalam Akaun Simpanan Tetap pada 28 Februari 2000 dan akaunnya matang pada 30 Ogos 2000. Berapakah faedah yang diperoleh Encik Mohd Mutaqqin pada tempoh itu?

- A RM9 900
- B RM1 650
- C RM1 245
- D RM825

32 Antara berikut, pindaan yang manakah tidak memerlukan pengendosan pada sekeping cek?

- I Tarikhnya diubah.
- II Nama sidibayar dipinda.
- III Perkataan "atau pembawa" dibatal.
- IV Cek terbuka ditukar kepada cek tertutup.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

SULIT

33 Antara berikut, risiko manakah yang tidak boleh diinsuranskan oleh sesebuah gedung membeli belah?

- A Kerosakan atas stok akibat kebakaran
- B Kerugian akibat perubahan fesyen pakaian wanita
- C Kemalangan kepada pekerja-pekerja semasa bertugas
- D Tuntutan ganti rugi oleh pelanggan akibat kemalangan yang berlaku semasa di dalam kedai

34 Antara berikut, faktor yang manakah menentukan kadar premium insurans kebakaran sesebuah bangunan?

- A Jenis bangunan yang diinsuranskan
- B Kos bangunan yang diinsuranskan
- C Nilai barang dalam bangunan yang diinsuranskan
- D Kuantiti barang dalam bangunan yang diinsuranskan

Seorang pengusaha bengkel kayu memiliki stok perabot dan alatan yang pelbagai serta mengupah empat orang pekerjanya.

35 Apakah jenis insurans yang dapat memberikan perlindungan terhadap hartanya ?

- A Insurans Takaful keluarga dan Takaful am
- B Insurans Takaful Am dan Insurans PERKESO
- C Insurans Takaful Am
- D Insurans PERKESO dan Insurans Nyawa Bekal Hidup

36 Antara berikut, yang manakah benar tentang prinsip ganti rugi dalam satu perjanjian insurans?

- I Jumlah bayaran ganti rugi mestilah tidak melebihi kerugian yang sebenar.
- II Jumlah ganti rugi juga mengambil kira nilai yang diinsuranskan.
- III Jika sesuatu harta diinsuranskan kepada dua penginsurans, salah satu penginsurans akan membayar ganti rugi.
- IV Ganti rugi hanya dibayar bagi risiko yang diinsuranskan.

- A I, II dan III
- B II, III dan IV
- C I, III dan IV
- D I, II dan IV

SULIT

37 Apakah kelebihan publisiti berbanding dengan iklan?

- A Sesuai untuk semua jenis barang
- B Pengeluar dapat menentukan masa siarannya
- C Dakwaan tersurat lebih menyakinkan pengguna
- D Maklumat dapat disampaikan dengan cepat

38 Walaupun sesuatu jenama barang sudah popular, pengiklanan masih perlu untuk

- A mengekalkan permintaan.
- B mendapat keuntungan yang lumayan.
- C menyingkirkan jenama yang baru.
- D menghapuskan pengeluar lain.

39 Berikut adalah ciri-ciri tentang satu jenis pengiklanan.

- I Dilaksanakan oleh pengeluar-pengeluar dalam industri yang sama.
- II Tidak menyatakan sesuatu jenis jenama tertentu.
- III Tidak bercorak persaingan.

Apakah jenis iklan yang mempunyai ciri-ciri seperti di atas?

- A Iklan bertanding
- B Iklan memujuk
- C Iklan kolektif
- D Iklan langsung

40 Apabila memilih media promosi, pengeluar hendaklah memberi pertimbangan kepada faktor-faktor berikut.

- A Kos pengeluaran dan sasaran untung
- B Jenis keluaran dan sasaran pelanggan
- C Jenis keluaran dan sasaran untung
- D Kos keluaran dan sasaran pelanggan

KERTAS SOALAN TAMAT